



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	14/1/2020	MUKA SURAT	: 55
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## 154 ular tedung senduk disorok dalam 22 guni ditemui

**Kangar:** Bau busuk dan bunyi dengusan kuat membawa kepada pembongkaran kegiatan menyeludup 154 ular tedung senduk di kawasan kebun di Kampung Kolam, di sini, kelmarin.

Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Perlis, Deputy Superintendan Rodzi Abu Hassan, berkata haiwan itu dijumpai di dalam 22 guni yang disorokkan dalam semak.

Beliau berkata, dalam kejadian kira-kira jam 6 petang itu, ular berkenaan ditemui orang awam yang terhidu bau busuk ketika melalui kawasan terbabit, selain terdengar bunyi dengusan kuat seolah-olah haiwan sedang kelaparan.

"Kita percaya semua ular itu untuk diseludup ke negara jiran memandangkan permintaan dagingnya tinggi, terutama musim perayaan Tahun Baharu Cina," katanya di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Perlis, semalam.

